

16 FEB 2000

Khalil-Kempen

JANGAN SENTUH LAWAN, KEMPEN MENGENAI DIRI SENDIRI SAHAJA

KUALA LUMPUR, 16 Feb (Bernama) -- Anggota Umno yang berkempen untuk merebut jawatan peringkat bahagian perlu mengelak daripada menyentuh peribadi saingan mereka, sebaliknya hendaklah menyentuh hal-hal berkaitan diri sendiri sahaja, kata Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob.

Katanya, kempen hendaklah dengan menceritakan mengenai diri sendiri sahaja, wawasan yang dibawa dan program yang dirancang untuk dilaksanakan bagi memperkukuhkan parti.

"Berkempen mestilah mengikut kod etika yang diluluskan baru-baru ini... Lagi pun sejumlah besar mereka yang hendak bertanding sudahpun dikenali oleh anggota-anggota parti," katanya pada persidangan berita selepas mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti di sini, hari ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas-tugas timbalan presiden mempengerusikan mesyuarat itu.

Ketika menjawab soalan, Khalil, yang juga Menteri Penerangan, berkata daripada laporan yang diterima setakat ini, belum terdapat anggota yang menjalankan kempen secara berlebihan.

"Masalah yang ada sedikit sebanyak... barangkali menyatakan sesuatu tentang saingan dialah, tetapi belum sampai ke peringkat yang membahayakan... kalau ikut (laporan) apa yang kita dapat sekarang ni," katanya.

Mengenai kod etika, Khalil berkata MT telah pun mengedarkannya ke semua bahagian pada 4 haribulan lepas dan ia lebih diperlukan bagi kempen untuk jawatan peringkat bahagian berbanding mesyuarat peringkat cawangan yang berlangsung sekarang hingga akhir bulan ini.

"Ini (kod etika) lebih untuk mesyuarat Bahagian, Pemuda dan Wanita sebab biasanya masa itu akan timbul unsur-unsur untuk kempen," katanya, yang menganggap kod etika itu lebih berupa langkah pencegahan kempen yang terlalu ghairah.

Katanya, berdasarkan pengalaman lepas, tempoh ini merupakan tempoh kempen yang ghairah dijalankan dengan pelbagai "road show" oleh mereka yang ingin bertanding.

"Sekarang nampak masih dalam keadaan tenang dan ini membanggakan kitalah... tenang bermakna boleh dikatakan anggota-anggota mematuhi garis panduan yang kita berikan," tambahnya.

Sementara itu MT mungkin akan membincangkan isu gerakan membawa masuk Umno ke Sarawak, yang sedang berjalan dengan dilaporkan diketuai oleh bekas menteri pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, pada mesyuaratnya esok.

Khalil enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu kecuali meminta pemberita supaya bertanyakan mengenainya kepada Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Katanya, setakat ini penjelasan yang diberikan oleh Abdullah bahawa cadangan membawa Umno ke Sarawak tidak boleh diterima, masih terpakai.

-- BERNAMA

MNY zb